

Jenis Akhbar : MyMetro
Tarikh : 03/07/2024
Edisi / Muka Surat : www.hmetro.com.my
Tajuk : Dua Juta Anggota Koperasi Sekolah Sertai Penyelidikan Alam Sekitar

Dua Juta Anggota Koperasi Sekolah Sertai Penyelidikan Alam Sekitar



Dr Abdul Fatah (tengah) bersama Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana) UKM, Prof Dr Norhamidi Muhammad (enam kanan) merasmikan simbolik menanam pokok pada program Bengkel Training Of Trainers (Tot) Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok kerjasama ANGKASA bersama Universiti Kebangsaan Malaysia di Taman Botani UKM.

03 Julai 2024 @ 4:31pm

Bangi: Dua juta anggota koperasi sekolah dijangka akan memainkan peranan dalam penyelidikan mengenai kepentingan hutan dan perubahan iklim di negara ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, ia membabitkan penyertaan sebanyak 2,490 koperasi sekolah dengan matlamat menyokong usaha kerajaan mempertingkatkan kemampanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau.

Beliau berkata, penyelidikan Kajian Kesedaran Anggota Koperasi Sekolah Terhadap Kepentingan Hutan dan Perubahan Iklim itu anjuran Angkasa bersama rakan strategik, Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Ini adalah komitmen gerakan koperasi sekolah untuk menyokong usaha kerajaan dan meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab bersama," katanya selepas merasmikan Bengkel Training Of Trainers (ToT) Penghijauan Malaysia di Taman Botani Bangi UKM, di sini, hari ini.

Menurutnya, bengkel itu bukan saja meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penanaman pokok hutan dan pengekalan kawasan litupan hijau malah meningkatkan kerjasama dan kecintaan generasi muda terhadap kelestarian alam sekitar.

"Terdapat keperluan mendesak untuk menjaga alam sekitar dan mewujudkan persekitaran yang lebih hijau serta sihat untuk generasi akan datang," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Fattah berkata, Angkasa sentiasa komited menambah baik dasar dan polisi serta hala tuju gerakan koperasi dalam penerapan dan adaptasi prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tatakelola (ESG) serta memperkasa pendidikan kelestarian alam sekitar dalam kalangan anggotanya.

Terdahulu pada Mac 2021, Angkasa dan UKM menandatangani memorandum perjanjian bagi melaksanakan Program Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok.

Perjanjian itu menghasilkan modul pengajaran dan pembelajaran iaitu "Sejuta Pokok Segunung Harapan" dan program ToT membabitkan anggota koperasi sekolah di Lembah Klang.